

Lelaki diperintah setahun menjalani bon berkelakuan baik kerana tampar, cekik pelajar minta wang daripada anaknya

KUCHING: Seorang pekerja am lelaki diperintah menjalani bon berkelakuan baik selama setahun oleh Mahkamah Majistret Kuching semalam kerana menampar dan mencekik seorang pelajar lelaki berusia 12 tahun yang dikatakan telah meminta wang daripada anaknya.

Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan Mohammad Saifulniza Affendy, 36, untuk menyempurnakan bon tersebut dengan jaminan RM1,000 (tidak didepositkan).

Tertuduh mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap pelajar lelaki terbabit, dengan cara menampar pipi

dan mencekiknya.

Kesalahan itu dilakukannya sekitar jam 10 pagi pada 9 Februari 2026, di kelas darjah enam di sebuah sekolah di Jalan Sultan Tengah, di sini.

Fakta kes mendedahkan bapa mangsa membuat laporan polis selepas mengetahui anaknya dipukul oleh tertuduh, susulan mangsa dituduh mencuri wang sebanyak RM1.

Hasil siasatan polis kemudiannya membawa kepada penangkapan tertuduh, manakala siasatan lanjut mendapati terdapat dua saksi yang berada di tempat kejadian ketika insiden itu berlaku.

Polis juga mendapati punca kejadian adalah disebabkan tertuduh tidak berpuas hati dengan mangsa yang telah meminta wang daripada anak tertuduh.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan sementara tertuduh tidak diwakili peguam.